

SOALAN- SOALAN LAZIM (FAQ)
CORPORATE REGISTRY SYSTEM (CRS)

1. Apakah itu Corporate Registry System (CRS)?

CRS merupakan platform dalam talian baharu SSM bagi urusan pemerbadanan syarikat, kemaskini maklumat syarikat dan serah simpan dokumen berkanun syarikat di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016 dan Akta Syarikat Amanah 1949.

2. Mengapakah SSM memperkenalkan CRS?

CRS diperkenalkan bagi menyediakan platform digital yang lebih cekap, bersepadu dan mesra pengguna.

CRS menggabungkan pelbagai perkhidmatan dalam satu platform serta menawarkan aliran kerja, automasi dan keupayaan notifikasi yang dipertingkatkan.

3. Apakah manfaat utama CRS?

CRS menyediakan pengalaman pengguna yang lebih moden, meningkatkan kecekapan serta memudahkan pemantauan permohonan.

Antara manfaat utama CRS ialah:

- Akses 24 jam sehari, 7 hari seminggu;
- Antara muka pengguna yang dipertingkatkan;
- Aliran kerja yang lebih pantas dan tersusun;
- Notifikasi masa nyata; dan
- Pemantauan status permohonan yang lebih mudah.

4. Bilakah CRS akan mula beroperasi?

CRS akan dilaksanakan dalam tiga fasa. Bagi Fasa 1 yang melibatkan serah simpan dokumen berkanun syarikat, pelaksanaannya dijadualkan bermula pada 30 Jun 2026.

5. Sistem sedia ada yang manakah akan digantikan oleh CRS?

Bagi Fasa 1, CRS akan menggantikan MyCoID, e-Secretary serta pelbagai perkhidmatan serah simpan dokumen berkanun syarikat yang sebelum ini dilaksanakan melalui kaunter.

6. Apakah perkhidmatan yang disediakan di bawah Fasa 1 CRS?

Fasa 1 CRS menyediakan perkhidmatan bagi syarikat yang merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

- *Name Search*
- *Incorporation*
- *Charges*
- *Corporate Intermediaries Registration*
- *Corporate Administration*
- *Initiate Striking Off*
- *Insolvency - Corporate Voluntary Arrangement*
- *Company Information Update*
- *Receivership of Company*
- *Insolvency - Asset Management*
- *Insolvency - Judicial Management*
- *Insolvency - Striking Off*
- *Insolvency - Winding Up*
- *Interest Scheme*
- *Appeal to Minister*
- *Court Order*
- *BizTrust*
- *Over the Counter*
- *Relodgement*
- *Extension of Time*
- *Rectification*
- *Compound*

7. Adakah MyCoID dan e-Secretary akan dikekalkan selepas CRS mula beroperasi?

Tidak. Perkhidmatan MyCoID dan e-Secretary akan digantikan sepenuhnya oleh CRS apabila sistem ini mula beroperasi.

PENDAFTARAN PENGGUNA

8. Bagaimanakah cara untuk mengakses CRS?

CRS boleh diakses melalui portal SSM4U. Pengguna perlu log masuk ke SSM4U dan mengakses CRS melalui portal tersebut.

9. Adakah saya perlu mempunyai akaun SSM4U untuk mengakses CRS?

Ya.

10. Bolehkah saya menggunakan akaun SSM4U sedia ada untuk mengakses CRS?

Ya. Pengguna SSM4U sedia ada boleh menggunakan akaun dan kata laluan yang sama untuk mengakses CRS.

11. Bagaimanakah pengguna baharu boleh mendaftar untuk menggunakan CRS?

Pengguna baharu perlu mendaftar akaun SSM4U terlebih dahulu. Setelah pendaftaran selesai, pengguna perlu hadir ke mana-mana kaunter SSM bagi tujuan pengesahan identiti. Setelah proses pengesahan selesai dan akaun diaktifkan, pengguna boleh mengakses CRS.

12. Apakah yang perlu dilakukan oleh setiausaha syarikat sedia ada sebelum CRS mula beroperasi?

Setiausaha syarikat hendaklah memastikan maklumat profil SSM4U sentiasa dikemas kini dan tepat. Setiausaha syarikat dan pengguna juga disarankan untuk memuat turun dan menyimpan salinan dokumen syarikat yang telah diserahkan simpan melalui MyCoID sebelum sistem tersebut ditamatkan.

PERANAN DAN AKSES PENGGUNA

13. Siapakah yang boleh mengakses CRS?

Akses kepada CRS diberikan kepada pengguna yang dibenarkan. Antaranya termasuk setiausaha syarikat, pengarah, peguam, pelikuidasi dan kategori pengguna lain yang layak.

14. Bolehkah akaun yang sama digunakan oleh lebih daripada seorang pengguna pada masa yang sama?

Tidak. Hanya satu sesi log masuk aktif dibenarkan bagi setiap akaun pada satu-satu masa.

15. Adakah fungsi *Maker* dan *Checker* disediakan dalam CRS?

Ya.

PEMAKLUMAN DAN STATUS

16. Bagaimanakah pengguna akan menerima maklumat terkini berkaitan transaksi atau kuiri bagi permohonan mereka?

Pengguna akan menerima maklumat terkini melalui pemakluman dalam CRS, SSM4U dan e-mel.

17. Adakah CRS akan terus menghantar pemakluman e-mel bagi semua transaksi atau kuiri?

Ya.

18. Bagaimanakah pengguna akan mengetahui sekiranya permohonan mereka dikuiiri oleh SSM?

Sekiranya permohonan dikuiiri oleh SSM, pengguna akan dimaklumkan melalui CRS, SSM4U dan e-mel.

19. Adakah setiausaha syarikat yang mengendalikan syarikat yang sama (*Joint Company Secretary*) boleh melihat permohonan yang sama?

Ya.

20. Adakah Setiausaha Syarikat yang mengendalikan syarikat yang sama (*Joint Company Secretary*) akan menerima pemakluman kuiri yang sama?

Ya.

21. Bagaimanakah pengguna boleh menyemak status permohonan mereka?

Status permohonan boleh disemak melalui *dashboard* CRS dan senarai tugasan (*Task List*).

SERAH SIMPAN PERMOHONAN DAN DOKUMEN BERKANUN SYARIKAT

22. Adakah permohonan yang dibuat melalui CRS boleh disimpan sebagai draf?

Ya.

23. Berapa lamakah draf permohonan akan disimpan?

Draf permohonan akan disimpan selama tujuh (7) hari.

24. Bolehkah pengguna menjawab kuiri SSM melalui CRS?

Ya.

25. Bolehkah permohonan yang dikuiiri dikemukakan semula secara dalam talian?

Ya.

26. Adakah semua permohonan diluluskan secara automatik?

Tidak.

27. Bolehkah permohonan ditarik balik selepas dikemukakan melalui CRS?

Ya.

28. Bilakah permohonan boleh ditarik balik?

Permohonan boleh ditarik balik sebelum kelulusan diberikan.

29. Bolehkah *Express Filing* dibuat melalui CRS?

Tidak. Kemudahan *Express Filing* tidak disediakan melalui CRS.

BAYARAN DAN FI

30. Adakah fi serah simpan di bawah CRS berbeza daripada fi sedia ada?

Tidak. Fi serah simpan semasa masih terpakai.

31. Adakah bayaran akan dipulangkan sekiranya permohonan ditarik balik?

Tidak. Bayaran yang telah dibuat tidak akan dipulangkan sekiranya permohonan ditarik balik.

PANDUAN PENGGUNA DAN SOKONGAN

32. Adakah manual pengguna CRS akan disediakan?

Ya. Setiap perkhidmatan CRS akan mempunyai manual pengguna yang terperinci.

33. Di manakah manual pengguna CRS boleh diperoleh?

Manual pengguna boleh diakses di portal rasmi SSM, www.ssm.com.my

34. Bagaimanakah pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan pelaksanaan CRS?

Pengguna disarankan untuk menyemak portal rasmi SSM, portal CRS, portal SSM4U dan emel bagi mendapatkan maklumat terkini.

35. Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya pengguna menghadapi masalah semasa menggunakan CRS?

Sekiranya pengguna menghadapi masalah atau mempunyai pertanyaan berkaitan CRS, sila hubungi:

(a) SSM Customer Care di talian 03-7721 4000; atau

(b) E-mel: enquiry@ssm.com.my

Waktu operasi SSM Customer Care adalah seperti berikut:

Hari	Waktu Operasi
Isnin hingga Jumaat	9:00 a.m. – 5:30 p.m.
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Tutup

KAEDAH PEMBAYARAN

36. Apakah kaedah pembayaran yang disediakan dalam CRS?

Kaedah pembayaran yang disediakan adalah seperti berikut:

- Kad Kredit (Visa dan Mastercard);
- Kad Debit (Visa dan Mastercard); dan
- Perbankan Internet.

37. Adakah semua jenis kad kredit diterima untuk pembayaran melalui CRS?

CRS hanya menerima kad kredit yang dikeluarkan secara tempatan atau antarabangsa melalui Visa dan Mastercard.

38. Bagaimanakah pengguna boleh mengesahkan bahawa transaksi pembayaran telah berjaya?

Status pembayaran akan dipaparkan pada skrin dan pemakluman akan dipaparkan dalam *dashboard* CRS.